

Peranan Kitab Syarah terhadap Penterjemahan Hadis ke dalam Bahasa Melayu

Ahmad Izzuddin Abu Bakar

*Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia USIM,
Bandar Baru Nilai, 71800, Negeri Sembilan, Malaysia.*

*Pengarang Penghubung
izzuddin@usim.edu.my

Received: 1 September 2022
Accepted: 18 October 2022
Online First: 1 November 2022

ABSTRAK

Kitab syarah dikenali sebagai karya khusus dalam menghuraikan matan sesuatu hadis. Kegiatan penulisannya mula bersemarak pada kurun keempat hijrah. Berdasarkan kepada amalan para sarjana di dalam kajian dan penyelidikan, petikan dan keterangan kitab-kitab ini telah dijadikan sebagai rujukan utama yang berautoriti untuk menjelaskan maksud sebenar setiap perkara yang disandarkan kepada Nabi SAW. Artikel ini akan melihat peranan dan kedudukan khazanah ilmiah yang sangat berharga ini dalam penghasilan terjemahan hadis kepada bahasa Melayu. Metodologi yang digunakan adalah kaedah kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan. Ia mengambil kitab-kitab syarah yang dikategorikan sebagai sumber yang berautoriti. Seterusnya, teks tertentu yang difikirkan relevan akan diambil untuk dianalisis. Dapatan merumuskan kitab syarah berperanan dalam lima (5) aspek yang membantu penterjemahan yang tepat iaitu: 1. Membawa Riwayat Berbeza Bagi Hadis Yang Sama Untuk Menjelaskan Latar Belakang Peristiwa; 2. Menerangkan Tempat Kembali (Marja') Kata Ganti Nama Ketiga (Damīr al-Ghāib); 3. Menjelaskan Andaian Ayat (Taqdīr al-Jumlah) Yang Mempunyai Elipsis (al-Ḥaḍf); 4. Menjelaskan Maksud Kiasan; 5. Menghuraikan Perkataan Gharib Dari Sudut Bahasa Dan Meletakkannya Di dalam Konteks Ayat.

Kata Kunci: *Hadis, Kitab Syarah, Terjemahan Hadis*



The Roles of *Kitab Syarah* in the Translation of Hadis into the Malay Language

ABSTRACT

Kitab Syarah are amazing books that explain the text of *hadis*. The writings began in the fourth century of Hijrah. The quotations and explanations of these books have been used as the main authoritative reference to explain the true meaning of each matter attributed to the Prophet PBUH. This article will scrutinize the role and position of this valuable scientific treasure in the production of Malay-translated *hadis*. The methodology used is a qualitative method with a content analysis approach. It considers *Kitab Syarah* as the primary source. This study further analyses certain texts that are considered relevant. Findings suggest that *Kitab Syarah* play a role in these five (5) aspects to achieve accurate Malay translation of *hadis*: 1. Bringing Different Narratives of the Same *Hadis* to Explain the Background of an Event; 2. Explaining the Place of Return (*Marja'*) of the Third Pronoun (*Ḍamīr al-Ghāib*); 3. Clarifying the Assumption of Verses (*Taqḍīr al-Jumlah*) That Have Ellipsis (*al-Ḥaḍf*); 4. Explaining the Meaning of Figurative; 5. Explaining Unclear Words (*Gharib*) Literatively And Putting It In The Context Of The Sentence.

Keywords: *Hadis, Hadis Translation, Kitab Syarah*

PENDAHULUAN

Kitab syarah merupakan koleksi karya yang menghuraikan maksud matan sesuatu *hadis*. Kegiatan penulisannya mula bersemarak pada kurun keempat hijrah dengan kemunculan seperti *Ma'ālim al-Sunan Syarh Sunan Abī Dawūd* oleh al-Khattabi (Meninggal 388H), *al-Istīḍkār al-Jāmi' Limazāhib Fuqahā'* al-Amṣār wa-'Ulamā' al-Athār Fīmā Taḍammanahū al-Muwatṭa'ā' Mīn Ma'ānī al-Ra'y wa-al-Athār, oleh Ibnu 'Abd al-Bar (Meninggal 463H) dan lain-lain (Abu al-Layth, 2011). Ia menjadi sumber yang berautoriti dalam menjelaskan kefahaman yang dikehendaki oleh Nabi SAW. Berdasarkan kepada amalan penyelidikan dan karya ilmiah, keterangan *kitab syarah* telah dijadikan sebagai rujukan utama.

Penterjemahan hadis daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu telah berlaku sekian lama. Tidak mustahil kelahirannya seiring dengan pengajian agama yang berkembang pesat di beberapa wilayah Nusantara seperti Melaka dan Aceh (Marhamah, 2018). Hal ini kerana hadis merupakan sumber syarak kedua selepas al-Quran (Mohd Shukri 2020). Sebarang perbahasan agama Islam tidak akan terpisah daripada kedua-dua sumber ini.

Artikel ini akan melihat peranan kitab syarah dalam penghasilan terjemahan hadis. Harapannya, kajian ini dapat menggalakkan penggunaan sumber yang diiktiraf dalam pengeluaran produk terjemahan yang lebih sempurna. Di samping itu, ia dapat membuka mata komuniti penterjemahan mengenai kedudukan kitab-kitab syarah. Lebih-lebih lagi dalam keadaan di mana wujud kesedaran yang tinggi dari kalangan masyarakat terpelajar supaya diterjemahkan kitab-kitab hadis peringkat tinggi seperti al-Kutub al-Sittah dan lain-lain.

MASALAH KAJIAN

Kebelakangan ini, penterjemahan hadis dijalankan secara meluas berbanding sebelumnya. Ini berlaku di dalam penerbitan buku dan majalah atau pun sebaran individu seperti poster grafik di media sosial. Di sebalik perkembangan yang positif ini, seringkali terjadi ketidaktepatan dan kesamaran dalam hasil terjemahan. Contohnya terjemahan hadis di bawah:

عَنْ تَمِيمِ الدَّارِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: الدِّينُ النَّصِيحَةُ، فُلْنَا: لِمَنْ؟
قَالَ: لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأَيِّمَةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ.

Daripada Tamim al-Dari bahawa Nabi SAW bersabda: agama itu nasihat. Kami berkata: untuk siapa?. Baginda berkata: untuk Allah, kitabNya, RasulNya dan pemimpin-pemimpin muslimin dan seluruh rakyat mereka (No. Hadis 95) (Muslim, 2006).

Terjemahan ini kurang tepat dengan makna yang sebenar. Seperti yang disebutkan di dalam kitab-kitab syarah, “Untuk Allah, kitabNya, RasulNya” bermaksud mengenai Allah SWT iaitu menasihati seseorang mengenai Allah SWT sebagai Tuhan Yang Esa dan keimanan kepadaNya. Maksud “kitabNya” ialah mengenai kitabNya iaitu al-Quran supaya mempercayai

dan beramal dengannya. Dan maksud “RasulNya” ialah mengenai Rasul iaitu Nabi SAW supaya ditaati dan diikuti (al-Khattabi, 1960; al-Nawawī, 2009).

Terjemahan yang lebih sesuai yang boleh diletakkan ialah:

“Daripada Tamim al-Dari bahawa Nabi SAW bersabda: agama itu nasihat. Kami berkata: untuk siapa?. Baginda berkata: mengenai Allah, kitabNya, RasulNya dan kepada pemimpin-pemimpin muslimin dan seluruh rakyatnya mereka”.

Berdasarkan kepada apa yang diterangkan, terdapat keperluan untuk meneliti peranan kitab syarah dalam menentukan terjemahan hadis yang lebih tepat dan mencakupi maknanya.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang digunakan adalah kaedah kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan. Kajian ini mengambil kitab-kitab syarah yang dikategorikan sebagai rujukan muktabar atau sumber yang boleh dipercayai Bahagian-bahagian yang relevan daripada teks kitab telah dipilih untuk dianalisis. Sudut yang dinilai ialah peranan yang boleh dimainkan dalam membantu kefahaman hadis bagi mengolah terjemahan yang sesuai dalam bahasa Melayu. Selepas itu, keterangan-keterangan syarah hadis yang membantu penterjemahan akan dibawa daripada kitab syarah seperti *Fath al-Bārī Bi Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Syarh Sunan Abī Dawūd li-Ibn Ruslān*, *Tuhfat al-Aḥwādī Syarh Jāmi’ al-Tirmidī*, *Dahīrah al-‘Uqbā Syarh al-Mujtabā* dan sebagainya.

Berkenaan takhrij, artikel ini hanya menyebut satu kitab sahaja yang meriwayatkan hadis tersebut dengan pencarian menurut hieraki dibuat di dalam *al-Kutub al-Sittah* terlebih dahulu. Jika tidak ditemui, barulah ia dirujuk di dalam mana-mana kitab yang muktabar. Selain daripada hadis-hadis yang diriwayatkan di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim, status hadis dinyatakan dengan membawa satu pendapat sahaja daripada mana-mana muhaddithin atau pentahkik samada klasik atau kontemporari.

SOROTAN LITERATUR

Sebelum memulakan sesuatu kajian, pengenalan mengenai istilah yang berkaitan perlu digariskan secara konkrit dan terperinci. Pengertian yang dikemukakan mesti merangkumi maksud etimologi dan terminologi. Perkara ini difikirkan wajar untuk memudahkan kefahaman dan mengelakkan kekeliruan. Persoalan hukum pula berbangkit disebabkan penterjemahan hadis melibatkan penggarapan teks agama. Sehubungan itu, justifikasi keharusannya sangat mustahak untuk dipaparkan.

Terjemahan: Takrif dan Pengertian

Menurut Kamus Dewan, perkataan terjemah merupakan kata kerja yang bermaksud memindahkan suatu bahasa seperti tulisan dan seumpamanya kepada bahasa yang tidak serupa (Dewan Bahasa & Pustaka 2007). Dalam erti kata lain, ia merupakan perbuatan mengalihbahasakan sesuatu bahasa kepada bahasa yang berbeza dengannya. Proses ini melibatkan dua bahasa iaitu bahasa sumber dan bahasa sasar. Jika penterjemahan yang ingin dilakukan daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu, maka bahasa Arab adalah bahasa sumber manakala bahasa Melayu adalah bahasa sasar (Zulfadhli, 2013).

Sebenarnya, perkataan terjemah berasal daripada kalimah Arab iaitu *تَرْجَمَ* (Kata kerja lampau), *يُتْرَجِمُ* (Kata kerja sekarang dan akan datang) dan *تَرْجِمُ* (Kata kerja perintah) (Zulfadhli, 2013). Mana-mana perkataan asing yang sudah berintegrasi dan diterima umum di dalam masyarakat akan diserapkan penggunaannya. Proses kemasukkan ini dinamakan sebagai penyerapan dengan penyesuaian bunyi dan ejaan di dalam bahasa Melayu (Asmah Omar, 2008). Di dalam kamus-kamus Arab seperti al-Qamus al-Muhit dan al-Mu'jam al-Arabi al-Asasi, maknanya adalah sama seperti mana dalam bahasa Melayu iaitu memindahkan suatu bahasa kepada bahasa lain (al-Fairuz Abadi, 2005; Ahmad Mukhtar, 2000).

Takrif penterjemahan turut diketengahkan oleh sarjana-sarjana Islam sedari awal lagi. Perbahasan masalah ini timbul disebabkan hubungannya dengan kefahaman nas-nas hukum. Tokoh-tokoh terkemuka seperti Imam al-Nawawi (2008) menyatakan penterjemahan merupakan pengungkapan suatu bahasa dengan bahasa yang lain. Manakala al-Fayyumi (2016)

menyebut: menterjemahkan ialah mengungkapkannya dengan bahasa yang bukan bahasa orang yang bercakap. Bagi al-Kafawi (2018) pula, ia adalah menukarkan suatu lafaz dengan lafaz yang lain yang menggantikan tempatnya. Seterusnya Ibnu Athir (2021) menjelaskan: menterjemahkan kata-kata ialah memindahkannya daripada suatu bahasa kepada bahasa yang lain.

Berdasarkan takrif-takrif istilah di atas, penterjemahan boleh difahami sebagai menyampaikan dan menerangkan rangkaian kata dan frasa samada berbentuk percakapan dan tulisan daripada suatu bahasa ke dalam bahasa lain. Hal ini menuntut tiada sebarang perubahan yang berlaku dari sudut penambahan atau pengurangan makna.

Hukum Penterjemahan Hadis

Kebanyakan sarjana mengharuskan penterjemahan hadis. Al-Haṭīb al-Baghdadī (2008) menyebut, “umat bersepakat bahawa orang yang mengetahui makna hadis Nabi SAW dan orang yang mendengarnya boleh menukarkan makna hadis itu bukan dengan lafaznya dan bukan dengan bahasa Arab”. Ibnu Taimiyyah (2009) menyokong kenyataan ini dengan berkata, “bercakap dengan orang yang berbahasa lain dengan istilah dan bahasa mereka bukan perkara yang makruh jika ia diperlukan, dengan makna yang betul, seperti bercakap dengan orang ajam dari kalangan orang Rom, Parsi dan Turki dengan bahasa dan budaya mereka. Ia adalah harus dan baik kerana terdapat keperluan... begitu juga penterjemahan al-Quran dan hadis kepada orang yang memerlukan terjemahan”. Pendapat ini berdalilkan kepada surat yang ditulis kepada Heraclius di dalam bahasa Arab. Nabi SAW mengetahui ia akan diterjemahkan kerana Maharaja Rom bertutur menggunakan bahasa kaumnya (Ibnu Hajar al-Asqalānī, 2011).

Manakala al-Khuza’i (1998) mengharuskan penterjemahan perkara yang mendatangkan masalah dan wujudnya keperluan. Asasnya adalah hadis yang menunjukkan Zaid bin Thabit mempelajari bahasa Ibrani selepas disuruh oleh Nabi SAW untuk mengelakkan daripada penipuan golongan Yahudi.

قَالَ زَيْدُ بْنُ ثَابِتٍ: أَمَرَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَتَعَلَّمْتُ لَهُ كِتَابَ يَهُودَ، وَقَالَ: إِنِّي وَاللَّهِ مَا أَمُنُ يَهُودَ عَلَى كِتَابِي، فَتَعَلَّمْتُهُ، فَلَمْ يَمُرْ بِي إِلَّا نِصْفَ شَهْرٍ حَتَّى حَذَقْتُهُ، فَكُنْتُ أَكْتُبُ لَهُ إِذَا كَتَبَ وَأَقْرَأُ لَهُ، إِذَا كُتِبَ إِلَيْهِ .

Zaid bin Thabit berkata: Rasulullah SAW memerintahkanku lalu aku pun mempelajari tulisan Yahudi untuknya, Baginda berkata: demi Allah aku tidak merasa suratku selamat daripada ditipu orang Yahudi. Tidaklah berlalu setengah bulan hingga aku mahir akannya. Aku menulis untuk Baginda jika Baginda mahu menulis dan aku membaca untuk Baginda jika ditulis kepadanya (No. Hadis 3645) (Abū Dāwūd, 2009) Syua'ib al-Arna'uth berkata: Hadis sahih.

Berdasarkan kepada dalil ini, al-Khuza'i (2013) menegaskan, “Adapun apa yang dipelajarinya menjadi manfaat kepada orang Islam seperti mempelajari penterjemahan apa yang diperlukan oleh pemerintah, seperti mana yang dipelajari oleh Zaid RA dengan perintah daripada Nabi SAW, atau kerana apa yang diperlukan oleh hakim untuk menghakimi perbalahan dan menentukan hak-hak... maka ia tidak makruh”.

Penterjemahan hadis juga termasuk dalam kategori periwayatan hadis secara makna. Periwayatan jenis ini dibenarkan oleh jumhur ulama dengan syarat perawi memahami setiap perkataan itu secara terperinci dan mengetahui perbezaan di antara perkataan yang hampir sama seperti perkataan marah dan geram. Ibnu Hajar al-Asqalānī (2008) berkata: adapun periwayatan dengan makna maka berlaku khilaf, kebanyakan mengharuskan, antara hujah mereka yang paling kuat ialah terdapat ijmak pada keharusan orang yang arif menerangkan syariat kepada orang ajam dengan bahasa mereka. Jika harus menukar dengan bahasa yang lain maka keharusan menukar dengan bahasa Arab adalah lebih wajar (Abū Dāwūd Al-Ṭayālīsī 1999). Menurut al-Suyūṭī (2015), jumhur salaf dan khalaf yang antara mereka ialah imam-imam yang empat berkata: harus diriwayatkan secara makna pada semua perkara jika dapat dipastikan ia mendatangkan makna yang betul. Ini ditunjukkan oleh apa yang dilakukan oleh para sahabat, ulama salaf, dan ditunjukkan oleh periwayatan mereka terhadap peristiwa yang sama dengan perkataan-perkataan yang berbeza-beza.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kefahaman hadis berdasarkan huraian kitab syarah mempunyai kepentingan signifikan yang tidak wajar dikesampingkan dalam penterjemahan. Bazammul (2009) menyatakan bahawa kitab-kitab seperti ini menerangkan maksud hadis berdasarkan kepada konteks dan bukannya semata-mata mengikut makna perkataan. Manakala Khairul Amin dan Mohd Norzi (2012) mensyaratkan terjemahan mesti menepati dan tidak menyimpang daripada huraian kitab-kitab jenis ini.

Kajian ini merumuskan kitab syarah berperanan dalam lima (5) aspek yang membantu penterjemahan yang tepat iaitu: 1. Membawa riwayat berbeza bagi hadis yang sama untuk menjelaskan latar belakang peristiwa; 2. Menerangkan tempat kembali (Marja') Kata ganti nama ketiga (Dhamir al-Ghā'ib); 3. Menjelaskan andaian ayat (Taqdir al-Jumlah) yang mempunyai elipsis (al- Haḍf); 4. Menjelaskan maksud kiasan; 5. Menghuraikan perkataan gharib dari sudut bahasa dan meletakkannya di dalam konteks ayat.

Menjelaskan Latar Belakang Peristiwa dengan Membawa Riwayat Berbeza Bagi Hadis yang Sama

Latar belakang peristiwa menjadi faktor signifikan dalam memahami hadis. Ia merujuk kepada kejadian yang bersangkutan dengan sesuatu peristiwa seperti sebab pengucapan hadis, latar zaman dan sebagainya (Abu al-Layth, 2014). Kelompangan dalam aspek ini akan menghasilkan terjemahan yang silap. “Jika seorang mujtahid, fakih atau muhaddis ingin memahami makna hadis, maka ia tidak mudah baginya melainkan dengan mengetahui suasana dan persekitaran yang mempunyai perkaitan dengannya” (Yusri, 2009).

Untuk mengetahui secara menyeluruh, para sarjana akan mengumpulkan riwayat-riwayat yang berbeza bagi hadis yang sama. Ahmad bin Hanbal berkata: Suatu hadis jika tidak dikumpulkan sanad-sanadnya, engkau tidak akan memahaminya, hadis-hadis itu sebahagiannya mentafsirkan sebahagian yang lain (al-Haṭīb al-Baghdadī, 2008). Ia turut disebut oleh Ibnu Hajar al-Asqalānī (2011) dengan berkata: seseorang yang berbicara mengenai hadis mestilah menghimpunkan sanad-sanadnya, kemudian

menghimpunkan lafaz-lafaz matannya jika sanad tersebut sahih, dia mesti menghuraikan matan-matan hadis daripada sanad-sanad sahih yang berbeza-beza itu sebagai satu hadis, sesungguhnya hadis wajar ditafsirkan dengan hadis. Setiap riwayat menyingkap situasi yang tidak dipaparkan riwayat yang lain sekaligus melengkapkan perincian peristiwa yang berlaku. Ini kerana para perawi meriwayatkan hadis secara makna dan bukannya secara lafaz yang menyebabkan berlaku perbezaan matan dari sudut susunan penceritaan, menceritakan sebahagian peristiwa sahaja, meringkaskan hadis dan seumpamanya (Basarani, 2018).

Contoh:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ، قَالَ: بَيْنَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَفْسِمُ، جَاءَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ ذِي الْخُوَيْصِرَةِ النَّمِيمِيُّ، فَقَالَ: اَعْدَلُ يَا رَسُولَ اللَّهِ، فَقَالَ: وَيْلَكَ، وَمَنْ يَعْدِلُ إِذَا لَمْ اَعْدِلْ، قَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ: دَعْنِي اَصْرَبُ عُنُقَهُ، قَالَ: دَعُهُ، فَإِنَّ لَهُ اصْحَابًا، يَحْقِرُ اَحَدَكُمْ صَلَاتَهُ مَعَ صَلَاتِيهِ، وَصِيَامَهُ مَعَ صِيَامِيهِ، يَمْرُقُونَ مِنَ الدِّينِ كَمَا يَمْرُقُ السَّهْمُ مِنَ الرَّمِيَّةِ، يُنْظَرُ فِي فُؤَادِهِ فَلَا يُوجَدُ فِيهِ شَيْءٌ، ثُمَّ يُنْظَرُ فِي نَاصِيئِهِ فَلَا يُوجَدُ فِيهِ شَيْءٌ، ثُمَّ يُنْظَرُ فِي رِصَافِهِ فَلَا يُوجَدُ فِيهِ شَيْءٌ، ثُمَّ يُنْظَرُ فِي نَاصِيئِهِ فَلَا يُوجَدُ فِيهِ شَيْءٌ، قَدْ سَبَقَ الْفَرْثُ وَالِدَمَّ، أَيُّنْهُمْ رَجُلٌ اِخْتَدَى يَدَيْهِ، أَوْ قَالَ: تَدْيِيهِ، مِثْلُ تَدْيِ الْمَرْأَةِ، أَوْ قَالَ: مِثْلُ الْبَضْعَةِ تَدْرَدُ، يَخْرُجُونَ عَلَى جِبِنِ فُرْقَةٍ مِنَ النَّاسِ. قَالَ أَبُو سَعِيدٍ: أَشْهَدُ سَمِعْتُ مِنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَأَشْهَدُ أَنْ عَلَيْنَا قَتْلُهُمْ، وَأَنَا مَعَهُ، جِيءَ بِالرَّجُلِ عَلَى النَّعْتِ الَّذِي نَعَتَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: فَزَلْتُمْ فِيهِ. وَمِنْهُمْ مَنْ يَلْمِزُكَ فِي الصَّدَقَاتِ (التوبة:58).

Terjemahan: Daripada Abī Saīd, beliau berkata: ketika Nabi SAW sedang membahagikan harta, Abdullah bin Dī al-Huwayṣirah al-Tamīmī datang berkata: berlaku adillah wahai Rasulullah, lalu Baginda bersabda: celakalah engkau, siapa yang akan berlaku adil jika aku tidak adil. Umar bin al-Khattab berkata: biarkan aku memenggal tengkuknya. Baginda bersabda: biarkan dia, sesungguhnya dia mempunyai sahabat-sahabat yang kamu merasa kerdil akan solatnya berbanding solat mereka, puasanya berbanding puasa mereka, mereka meluncur keluar daripada agama seperti mana meluncurnya anak panah daripada binatang yang dipanah, dilihat pada bulunya (anak panah) tidak didapati sedikit pun, kemudian dilihat pada matanya (anak panah)

maka tidak didapati sedikitpun, kemudian dilihat pada hujungnya (anak panah) maka tidak didapati sedikitpun, kemudian dilihat pada batangnya (anak panah) maka tidak didapati sedikitpun, sedangkan ia sudah melewati bahagian tahi dan darah, tanda mereka itu ialah (di kalangan mereka itu) seorang lelaki yang salah satu tangannya, atau Baginda bersabda: salah satu teteknya, seperti tetek perempuan, atau Baginda bersabda: seperti lebihan daging yang bergoyang, mereka muncul ketika orang ramai berpecah belah. Abī Saīd berkata: aku bersaksi bahawa aku mendengar daripada Nabi SAW, dan aku bersaksi bahawa Ali memerangi mereka dan aku bersamanya, didatangkan (kepada Ali selepas selesai berperang dengan kumpulan tersebut mayat) seorang lelaki seperti ciri-ciri yang dinyatakan oleh Nabi SAW. Abu Saīd berkata: ayat al-Quran telah turun mengenainya: Dan di antara mereka ada yang mencelamu (wahai Muhammad) mengenai (pembahagian) sedekah-sedekah (zakat) (surah al-Taubah: ayat 58). No. hadis: 6933 (Bukhari, 2016).

Bahagian yang sukar difahami ialah kata-kata Abī Saīd yang berikut:

وَأَشْهَدُ أَنَّ عَلِيًّا قَتَلَهُمْ، وَأَنَا مَعَهُ، جِيءَ بِالرَّجُلِ عَلَى النَّعْتِ الَّذِي نَعْتَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

“Aku bersaksi bahawa Ali memerangi mereka dan aku bersamanya, didatangkan seorang lelaki seperti ciri-ciri yang dinyatakan oleh Nabi SAW”.

Kitab *Fath al-Bārī* memainkan peranan dengan membawa riwayat dari al-Tabari yang lebih terperinci. Ia memberikan kefahaman yang menyeluruh tentang perjalanan dan watak di dalam hadis:

قَالَ: فَأَخْبَرَنِي أَبُو عَبْدِ اللَّهِ أَنَّ عَلِيًّا سَارَ إِلَيْهِمْ حَتَّى إِذَا كَانَ حِذَاءَهُمْ عَلَى شَطِّ النَّهْرِ وَأُرْسِلَ إِلَيْهِمْ يَنَاشِدُهُمُ اللَّهُ وَيَأْمُرُهُمْ أَنْ يَرْجِعُوا، فَلَمْ تَزَلْ رُسُلُهُ تَخْتَلِفُ إِلَيْهِمْ، حَتَّى قَتَلُوا رَسُولَهُ، فَلَمَّا رَأَى ذَلِكَ نَهَضَ إِلَيْهِمْ فَقَاتَلَهُمْ حَتَّى فَرَّغَ مِنْهُمْ، ثُمَّ أَمَرَ أَصْحَابَهُ أَنْ يَلْتَمِسُوا الْمَخْدَجَ، فَالْتَمَسُوهُ، فَقَالَ بَعْضُهُمْ: مَا نَجِدُهُ، حَتَّى قَالَ بَعْضُهُمْ: لَا، مَا هُوَ فِيهِمْ، ثُمَّ إِنَّهُ جَاءَ رَجُلٌ فَبَشَّرَهُ، وَقَالَ: يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ، قَدْ وَجَدْنَاهُ تَحْتَ قَتِيلَيْنِ فِي سَاقِيَةٍ، فَقَالَ: اقْطَعُوا يَدَهُ الْمَخْدَجَةَ، وَأَتُونِي بِهَا، فَلَمَّا أَتَى بِهَا أَخَذَهَا ثُمَّ رَفَعَهَا، وَقَالَ: وَاللَّهِ مَا كَذَبْتُ وَلَا كَذَبْتُ.

Dia (Nafi') berkata: Abu Abdillah telah memberitahuku bahawa Ali telah menuju ke arah mereka (Khawarij) sehinggalah di hadapan tentera Ali itu tebing sungai Nahrawan. Ali menghantar utusan untuk menasihati dan menyuruh mereka bertaubat. Utusan-utusan berulang alik sehinggalah mereka membunuh seorang utusan. Selepas Ali melihat perkara itu, beliau bangun bergegas menuju dan memerangi mereka sehingga beliau selesai. Kemudian, Ali memerintahkan pengikut-pengikutnya mencari seorang yang tangannya tidak sempurna. Sebahagian mereka berkata: kami tidak menemuinya, sehinggalah sebahagian lagi berkata: dia tidak ada bersama mereka. Kemudian, seorang lelaki datang memberi khabar gembira kepada Ali lantas dia berkata: wahai Amirul Mukminin, kami sudah menemuinya di bawah dua mayat di anak sungai. Ali berkata: potonglah tangannya yang tidak sempurna itu dan berikan kepadaku. Apabila diberikan dia mengambil lalu mengangkatnya. Ali berkata: demi Allah, aku tidak menipu, aku tidak menipu (al-Tabari, 1967). Muhammad bin Tahir al-Barzanji berkata: Sanadnya adalah Hasan.

Ayat “didatangkan seorang lelaki seperti ciri-ciri yang dinyatakan oleh Nabi SAW” seakan-akan tergantung yang memerlukan keterangan lanjut. Sebahagian pembaca mungkin terkeliru jika tidak disertakan huraian yang menjelaskan latar belakang peristiwa. Riwayat al-Tabari memberikan maklumat tambahan bagaimana Ali RA menyuruh tenteranya untuk mencari seorang lelaki yang salah satu tangannya tidak sempurna kerana mempunyai lebih daging. Ini bertujuan membuktikan kumpulan yang diperangi oleh Ali RA adalah golongan yang disifatkan oleh Rasulullah SAW seperti di dalam hadis.

Justeru, terjemahan yang sesuai untuk memudahkan kefahaman orang ramai boleh ditambah keterangan seperti berikut:

وَأَشْهَدُ أَنَّ عَلِيًّا قَتَلَهُمْ، وَأَنَا مَعَهُ، جِيءَ بِالرَّجُلِ عَلَى النَّعْتِ الَّذِي نَعْتَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

“Abī Saīd berkata: aku bersaksi bahawa aku mendengar daripada Nabi SAW, dan aku bersaksi bahawa Ali memerangi mereka dan aku bersamanya, didatangkan (kepada Ali selepas selesai berperang dengan kumpulan tersebut mayat) seorang lelaki seperti ciri-ciri yang dinyatakan oleh Nabi SAW”.

Menerangkan Rujukan atau Tempat kembali (*Marja'*) Kata Ganti Nama Ketiga (*Ḍamīr al-Ghāib*)

Nabi SAW berbangsa Arab dan bertutur di dalam bahasa kaumnya. Sehubungan itu, bahasa telah menjadi aturan yang diterima pakai dalam memahami hadis. Tidak munasabah untuk memahami sesuatu ucapan tanpa mengikut kaedah bahasa yang diucapkan.

Ibn ‘Abd al-Bar (2020) berkata: “di antara perkara yang digunakan untuk memahami hadis, bagi memahami kitab Allah seperti mana yang telah kita sebutkan - adalah mengetahui percakapan orang arab, kedudukan kalimah-kalimah, keluasan bahasa, syair-syair, metafora, umum dan khusus lafaz percakapan dan semua mazhab-mazhab mengenainya”. Ibn al-Athir (2021) berkata: muhaddis dan fukaha telah menghuraikan hadis, pelajar-pelajar hadis perlu mengetahuinya, menelaahnya, selepas mengetahui bahasa dan *‘irab*, kedua-keduanya adalah asas untuk mengetahui hadis.

Pakar bahasa bersepakat bahawa *Ḍamīr* memerlukan rujukan yang dikembalikan kepadanya atau subjek yang boleh mentafsirnya. Mereka meletakkan kaedah seperti *Ḍamīr* perlu dirujuk kepada Kata Nama yang paling hampir, *Ḍamīr* boleh dirujuk kepada selain yang paling hampir dengan syarat terdapat petunjuk dan kaedah-kaedah tatabahasa yang lain. Namun begitu, perbezaan pendapat seringkali berlaku disebabkan pertikaian mengenai petunjuk yang mengharuskan *Ḍamīr* dikembalikan kepada subjek yang bukan terhampir (Fadhil al-Samarra’i, 2000).

Contoh:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ: بَرَزَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي ثَوْبِهِ.

Terjemahan: daripada Anas bin Malik, beliau berkata: Nabi SAW telah meludah ke atas bajunya sendiri. No. hadis: 241 (Bukhari, 2016).

Terjemahan literal tanpa disertai rujukan *ḍamīr* (nya) pada perkataan *ثوبه* (bajunya) boleh menunjukkan dua maksud. Pertama; Nabi SAW meludah di atas bajunya iaitu baju Anas. Kedua; Nabi SAW meludah di atas bajunya sendiri.

Kitab al-Kawākib al-Darārī menyebut kedua-dua maksud ini. Al-Karmānī (2010) berkata: “pada bajunya” bermaksud pada baju Rasulullah, dan makna ini dapat dilihat dengan jelas, dan kemungkinan *ḍamīr* itu kembali kepada Anas, ia adalah kemungkinan yang jauh.

Begitu juga di dalam kitab ‘Umdah al-Qārī, al-‘Aynī (2018) berkata: “maksudnya pada baju Rasulullah SAW dan makna ini dapat dilihat dengan jelas”. Seterusnya beliau mengulas kemungkinan yang dinyatakan oleh al-Karmānī: “sebab ia menjadi kemungkinan yang jauh sekalipun ada kemungkinan itu, kerana riwayat Abu Nu‘aym di dalam *al-Mustahraj*, iaitu hadis ini, daripada sanad al-Firyābī, beliau menambah di hujungnya “sedang Baginda di dalam solat”.

Al-Karmānī dan al-‘Aynī menyatakan *ḍamīr* (nya) pada ayat *ثوبه* (bajunya) perlu dikembalikan kepada Nabi SAW memandangkan ia adalah makna dapat dilihat dan difahami dengan jelas. Pendapat yang sama disebutkan di dalam hampir kesemua kitab-kitab syarah seperti *Irṣād al-Sārī* dan *Manār al-Qāri* (Hamzah, 1990; al-Qaṣṭalānī 2020). Kemudian al-‘Aynī menjelaskan sebab kemungkinan kedua dianggap sebagai kebarangkalian yang jauh. Ia berdasarkan kepada riwayat lain iaitu “Nabi SAW meludah di atas bajunya ketika Baginda di dalam solat”. Apabila perbuatan itu berlaku di dalam solat, sudah semestinya Nabi SAW meludah di atas bajuNya sendiri kerana tidak dapat bergerak.

Menjelaskan Andaian Ayat (*Taqdīr al-Jumlah*) yang Mempunyai Elipsis (*al-Ḥaḍf*)

Elipsis merupakan fenomena yang terdapat dalam hampir semua bahasa di dunia. Secara etimologi, ia bermaksud menggugurkan, membuang dan memotong. Pakar bahasa mentakrifkannya sebagai pengguguran satu perkataan atau lebih dengan kewujudan petunjuk yang membayangkan bahagian yang telah dibuang (al-Muṭ‘anī, 2014; al-Sāmīrī 2006).

Di dalam bahasa arab, rata-rata sarjana mengakui gaya bahasa elipsis atau *al-Hadhf* meskipun kelihatan segelintir yang menolaknya (Shahrizal 2017). Sarjana era klasik seperti al-Jurjānī (1960) menyifatkannya sebagai “tajuk yang halus pendekatannya, lembut caranya, menyerupai sihir, engkau melihat bahawa meninggalkan sebutan lebih fasih daripada menyebut, diam daripada memberitahu lebih banyak dapat memberitahu, engkau dapati ia sangat berbicara jika engkau tidak berbicara dan yang paling sempurna kejelasannya jika engkau tidak menjelaskan”.

Penggunaan elipsis mewajibkan andaian ayat yang digugurkan atau *taqdīr al-mahdūf* bagi menjelaskan maksud dan mengelakkan kekeiruan. Ibn al-Jinnī (2018) menegaskan kepentingan tersebut dengan berkata: “tidak dinafikan dalam percakapan mereka (orang arab) ada perkataan asal yang tidak dilafazkan, akan tetapi ia diandaikan”. Kitab-kitab syarah seringkali menjelaskan andaian-andaian ayat. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, sekalipun wujud ayat elipsis yang dapat difahami secara langsung, sebahagiannya terlalu kabur dan memerlukan keterangan lanjut.

Contoh:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: كَانَ قُرَيْظَةُ وَالتَّضْيِيرُ، وَكَانَ النَّضِيرُ أَشْرَفَ مِنْ قُرَيْظَةَ، فَكَانَ إِذَا قَتَلَ رَجُلٌ مِنْ قُرَيْظَةَ رَجُلًا مِنَ النَّضِيرِ قُتِلَ بِهِ، وَإِذَا قَتَلَ رَجُلٌ مِنَ النَّضِيرِ رَجُلًا مِنْ قُرَيْظَةَ فُودِيَ بِمِائَةِ وَسْقٍ مِنْ تَمْرٍ، فَلَمَّا بَعَثَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَتَلَ رَجُلٌ مِنَ النَّضِيرِ رَجُلًا مِنْ قُرَيْظَةَ، فَقَالُوا: ادْفَعُوهُ إِلَيْنَا نَقْتُلُهُ، فَقَالُوا: بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَتَوْهُ، فَزَرَلَتْ: وَإِنْ حَكَمْتَ فَأَحْكُم بَيْنَهُمْ بِالْقِسْطِ (المائدة: 42).

Terjemahan: Daripada Ibnu Abbas, beliau berkata: Quraizah dan Nadhir adalah dua kabilah Yahudi. Nadhir lebih bangsawan berbanding Quraizah. Apabila seseorang Quraizah membunuh seorang Nadhir, dia akan dibunuh. Apabila seorang Nadhir membunuh seorang Quraizah maka dia akan ditebus dengan 100 wasaq kurma (lebih kurang 12,240 kg). Selepas Nabi SAW diutuskan, seorang lelaki Nadhir telah membunuh seorang lelaki Quraizah. Mereka berkata: berikan dia kepada kami, kami mahu membunuhnya. Mereka berkata: di antara kami dan kamu Nabi SAW, mereka pun pergi menemuiNya. Maka turun ayat al-

Quran: dan jika engkau menghukum maka hukumlah di antara mereka dengan adil (al-Maidah: 42). Adil itu ialah nyawa dibalas nyawa. Kemudian turun ayat: Sesudah itu, patutkah mereka berkehendak lagi kepada hukum-hukum jahiliyah? (al-Maidah: 50). No. hadis: 4494 (Abu Daud, 2000).

Ayat yang tidak lengkap yang boleh mengelirukan pembaca adalah seperti berikut:

كَانَ قُرَيْظَةُ وَالنَّضِيرُ، وَكَانَ النَّضِيرُ أَشْرَفَ مِنْ قُرَيْظَةَ...

“Quraizah dan Nadhir, Nadhir lebih bangsawan berbanding Quraizah...”

Kitab *Syarah Sunan Abī Dawūd li-Ibn Ruslān* menyatakan elipsis berlaku pada predikat bagi subjek “dua kabilah Yahudi Khaibar”. Jika diletakkan, ayat lengkap akan dibaca “Quraizah dan Nadhir adalah dua kabilah Yahudi Khaibar (Ibn Ruslan, 2016). Kitab *Zakhirah al-‘Uqba* memberikan dua andaian predikat yang digugurkan. Pertamanya ayat “tinggal di Madinah” yang mana terjemahannya ialah ‘Quraizah dan Nadhir tinggal di Madinah. Nadhir lebih bangsawan berbanding Quraizah...’. Manakala yang kedua ialah ‘antara mereka itu ada perbezaan dalam kebangsawanan’. Terjemahannya pula akan berbunyi ‘Quraizah dan Nadhir antara mereka itu ada perbezaan dalam kebangsawanan. Nadhir lebih bangsawan berbanding Quraizah...’ (Muhammad al-Ithyūbī 2010).

Menjelaskan Maksud Ayat Kiasan

Selain elipsis, bahasa arab sering menggunakan kiasan samada di dalam percakapan mahu pun tulisan. Terdapat pelbagai jenis seperti *tashbih*, *majaz*, *isti‘arah* dan *kinayah*. Hadis juga tidak dapat lari daripada gaya bahasa tersebut. Tokoh-tokoh silam yang membicarakan soal ini antaranya Ibnu Rashiq al-Qairawani dengan bukunya al-Umdah Fi Shina‘at al-Shi‘r wa-Naqdih, al-Sharif al-Radhi di dalam al-Majazat al-Nabawiyyah, Ibnu al-Athir di dalam al-Mathal al-Saair Fi Adab al-Katib wa-al-Syair (Abdul Aziz, 2004).

Salah satu kiasan yang digunakan secara meluas ialah *majaz*. Ia merupakan perkataan atau ungkapan yang digunakan bukan mengikut pengertian asalnya dalam komunikasi tetapi mengikut kewajarannya. Contohnya, perkataan دس ألأ (singa) yang digunakan untuk lelaki yang berani (Yazid, 2010). Sesiapa yang menelaah teks-teks hadis akan menemui kesukaran memahami sesetengah penggunaan *majaz* dan maksud yang ingin disampaikan. Ini berlaku kerana persamaan yang mahu ditonjolkan bukannya kelaziman budaya bahasa Melayu.

Contoh:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: لَمْ تَجَلَّ الْعَنَائِمُ لِأَحَدٍ سِوَدِ الرُّءُوسِ قَبْلَكُمْ، كَأَنْتُمْ تَنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ نَارٌ فَتَأْكُلُهَا، فَلَمَّا كَانَ يَوْمَ بَدْرٍ وَقَعَ النَّاسُ فِي الْعَنَائِمِ، فَأَنْزَلَ اللَّهُ: لَوْلَا كِتَابٌ مِنَ اللَّهِ سَبَقَ لَمَسَكُمُ، فِيمَا أَخَذْتُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ (الأنفال: ٦٨).

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah RA, daripada Nabi SAW, Baginda bersabda: tidak halal ghanimah kepada sesiapa yang berkepala hitam (manusia) sebelum kamu. Dahulu api daripada langit akan turun lalu menyambarnya. Ketika perang Badar orang ramai memperolehi ghanimah. Maka Allah Taala menurunkan: Kalaulah tidak (kerana) adanya ketetapan dari Allah yang terdahulu, tentulah kamu ditimpa azab seksa yang besar disebabkan (penebus diri) yang kamu ambil (dari orang-orang tawanan) itu (al-Anfal: 68). No. hadis: 4806 (Ibnu Hibban, 2012).

Terjemahan harfiah pada ayat ini لَمْ تَجَلَّ الْعَنَائِمُ لِأَحَدٍ سِوَدِ الرُّءُوسِ مِنْ قَبْلِكُمْ iaitu “tidak halal ghanimah kepada sesiapa yang berkepala hitam sebelum kamu...” tidak dapat difahami dengan baik oleh kebanyakan pembaca. Kiasan atau perumpamaan yang digunakan bukannya sesuatu yang menjadi kebiasaan di dalam Bahasa Melayu. Ini memerlukan terjemahan yang disertai huraian kitab-kitab syarah.

Kepala hitam (سود الرؤوس) adalah metafora yang digunakan untuk menggambarkan manusia. Perumpamaan ini diambil kerana umumnya kepala manusia berwarna hitam disebabkan rambut mereka. Al-Mubarakfuri

(1996) berkata: “yang dimaksudkan dengan kepala hitam ialah anak Adam kerana kepala mereka adalah hitam”. Al-Sa’ati (2013) berkata: “ia bermaksud anak Adam”.

Kitab Faidh al-Qadir memberikan huraian yang menegaskan maksud “yang berkepala hitam” adalah manusia. Selepas memetik teks hadis “tidak halal ghanimah bagi sesiapa yang berkepala hitam sebelum kamu, dahulu ia dihimpunkan dan turun api daripada langit memakannya”, al-Manawi (1997) berkata: ia menunjukkan kepada keharusan ghanimah khusus untuk umat ini. Di dalam al-Tanwir Syarh al-Jami’ al-Saghir, al-Amir al-Sana’ani (2011) menyebut makna yang sama: keharusan ghanimah khusus untuk umat ini adalah kemudahan daripada Allah SWT.

Menghuraikan Makna Perkataan Berdasarkan Konteks

Memahami perkataan di dalam hadis dan memahami kandungannya adalah dua perkara yang berlainan. Ibn al-Athir (2021) mengisyaratkan perbezaan ini di dalam pendahuluan kitabnya al-Nihayah Fi Gharib al-Hadith wa-al-Athar. Katanya, pertama ialah mengetahui lafaz dan kedua mengetahui makna. Tidak syak lagi memahami lafaz diutamakan kerana ia adalah asas pengucapan dan kefahaman terhasil melaluinya. Jika ia diketahui, makna akan terbina.

Oleh itu, hadis perlu diterjemahkan secara kontesktual. Sesuatu perkataan harus diberikan makna yang selari dengan budaya dan penggunaan orang Arab. Jika sebaliknya berlaku, ia bakal mengundang kefahaman yang tersasar. Peranan kitab syarah sangat menonjol dalam meletakkan sesuatu makna perkataan dalam konteks yang betul.

Contoh:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: بَنِي إِسْرَائِيلَ، وَالْكَهْفُ، وَمَرْيَمُ، وَطِهَ، وَالْأَنْبِيَاءُ: هُنَّ مِنَ الْعِتَاقِ
الأول، وَهُنَّ مِنْ تِلَادِي.

Terjemahan: Daripada Abdullah, beliau berkata: surah Bani Israil, al-Kahfi, Maryam, Taha dan al-Anbiya’, ia adalah hafalanku yang lama dan ia adalah manfaatku . No. hadis: 4739 (Bukhari, 2016).

Secara bahasa perkataan *عتاق* adalah Kata Nama yang bermaksud 'yang lama'. Manakala perkataan *تلاذ* pula bermaksud harta lama yang asal (Ahmad Mukhtar, 2000). Abdullah bin Mas'ud RA menggunakan perkataan *عتاق* untuk menyatakan surah-surah ini menjadi hafalannya semenjak sekian lama. Perkataan *تلاذ* pula untuk menunjukkan ia memberi manfaat kepadanya. Makna menurut konteks ini disebutkan oleh Ibn al-Mulaqqin (2008) di dalam kitabnya *al-Taudhih Lisyarh al-Jami' al-Sahih*.

KESIMPULAN

Kitab syarah ialah karya-karya ilmiah yang menghuraikan maksud sesuatu hadis. Kebiasaannya, pengarang akan mengambil sebilangan hadis atau mana-mana kitab hadis dan menjelaskan matannya satu persatu. Ia merupakan rujukan yang paling berautoriti dalam memahami maksud dan menentukan sesuatu makna. Penterjemahan hadis ke dalam bahasa Melayu telah lama bermula dan berkembang pesat sejak akhir-akhir ini. Terutama di kalangan golongan berpendidikan yang menunjukkan minat yang mendalam. Oleh yang demikian, terdapat keperluan untuk melihat peranan yang dimainkan oleh kitab-kitab syarah. Kajian ini memperolehi lima dapatan yang signifikan yang boleh menyumbang kepada penghasilan penterjemahan yang lebih baik.

PENGHARGAAN

Pengkaji ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah (FPQS) yang memberikan ruang untuk menulis seterusnya menyiapkan artikel ini. Juga tidak lupa ucapan ini ditujukan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulisan artikel ini tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan mana-mana pihak. Tiada sebarang hubungan samada peribadi, kekeluargaan atau kewangan.

SUMBANGAN PENULIS

Penulis memberi sumbangan dari sudut menyatakan peranan yang boleh dimainkan oleh Kitab Syarah dalam membantu kefahaman hadis bagi mengolah terjemahan yang sesuai dalam bahasa Melayu. Hal ini dengan merangka, menganalisis dan menulis artikel.

RUJUKAN

Abdul Azim Ibrahim al-Muṭʿanī. 2014. *Hasais Al-TaʿBīr Al-QurāʾNī Wa-Simātuhū Al-Balāghīyyah*. Cet. 2. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Abdul Aziz ʿAtiq. 2004. *Ilmu Al-Bayan*. Cet. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

Abdul Qahir al-Jurjānī. 1960. *Dalāil Al-ʿIjāz Wa-Asrār Al-Balāghah*. Cet. 1. Beirut: Dār Kutub al-ʿIlmiyyah.

Abdul Rahman bin Abdul Rahim al-Mubarakfuri. 1996. *Tuhfah Al-Ahwazi Fi Syarh Sunan Al-Tirmizi*. Cet. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

Abdul Rahman bin Abu Bakar Al-Suyūfī. 2015. *Tadrīb Al-Rāwī*. Cet. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

Abdul Rauf bin Taj al-Arifin al-Manawi. 1997. *Faidh Al-Qadir Syarh Al-Jamiʿ Al-Saghir*. Cet. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

Abu al-Layth Fayrūz Ābādī. 2014. *Tahrīj Al-Hadīth Wa-Naṣhatuhū*. Cet. 4. Kuala Lumpur.

Abū Dāwūd Al-Ṭayālīsī, Sulaiman bin Dāwūd. 1999. *Al-Musnad*. Cet. 1. Kaherah: Dār Hajar.

Ahmad bin Abdul Halim Ibnu Taimiyyah. 2009. *Dar Taʿarud Al-ʿAql Wa-Al-Naql*. Cet. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

- Ahmad bin Abdul Rahman al-Sa'ati. 2013. *Al-Fath Al-Rabbani Li-Tartib Musnad Al-Imam Ahmad Bin Hanbal Al-Syaibani*. Cet. 1. Riyadh: Bayt al-Afkār al-Duwaliyyah.
- Ahmad bin Ali al-Haṭīb al-Baghdadī. 2008. *Al-Kifayah Fi Ma'arifat 'Ilm Al-Riwayah*. Cet. 3. Dammam: Dar Ibnu al-Jawzi.
- Ahmad bin Ali Ibnu Hajar al-Asqalānī. 2008. *Nuzhat Al-Nazar Fi Taudhih Nukhbat Al-Fikr*. Cet. 2. Madinah: Maktabah al-Malik Fahd al-Wathaniyyah.
- Ahmad bin Ali Ibnu Hajar al-Asqalānī. 2011. *Faḥ Al-Bārī Syarh Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*. Cet. 1. Riyadh: Dar al-Taybah.
- Ahmad bin Husin Ibn Ruslan. 2016. *Šarh Sunan Abī Dāwūd*. Cet. 1. Rabat: Dār al-Falāh.
- Ahmad bin Muhammad Al-Fayyumi. 2016. *Al-Misbah Al-Munir Fi Gharib Al-Syarh Al-Kabir*. Cet. 2. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Ahmad bin Muhammad al-Qaṣṭalānī. 2020. *Iršād Al-Sārī Syarh Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*. Cet. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ahmad Mukhtar Umar. 2000. *Al-Mu'jam Al-Arabi Al-Asasi*. Cet. 2. Beirut: Larus.
- Ahmad Zulfadhli bin Nokman. 2013. "Terjemahan Makna Perintah Dalam Surah Al-Baqarah: Analisis Perbandingan Antara Terjemahan Tafsir Fi Zilal Al-Quran Dengan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman." *Universiti Malaya*.
- al-Mubarak bin Muhammad al-Jazari Ibn al-Athir. 2011. *Al-Nihayah Fi Gharib Al-Hadith Wa-Al-Athar*. Cet. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Mubarak bin Muhammad Ibn al-Athir. 2021. *Jami' Al-Usul Fi Ahadith Al-Rasul*. Cet. 1. Beirut: Dar al-Fikr.

- Al-Nawawī, Yaḥyā bin Šaraf. 2009. *Al-Minhāj Fī Syarh Šaḥīḥ Muslim Bin Al-Ḥajjāj*. Riyadh: Bayt al-Afkār al-Duwaliyyah.
- Ali bin Muhammad al-Khuza'i. 2013. *Takhrij Al-Dalalat Al-Sam'yyah 'Ala Makana Fi 'Ahdi Rasulillah SAW Min Al-Hiraf Wa-Al-Sana'i Wa-Al-'Ummalat Al-Sya'iyah*. Cet. 2. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Asmah Omar. 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Cet. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ayub bin Musa al-Kafawi. 2018. *Al-Kulliyat*. Cet. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Dewan Bahasa & Pustaka. 2007. *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat*. Cet. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Fadhil Soleh al-Sāmarrāi. 2000. *Ma'ani Al-Nahw*. Cet. 1. Amman: Dar al-Fikr.
- Fadhil Soleh al-Sāmarrāi. 2006. *Al-Ta'bīr Al-Qur'ānī*. Cet. 2. Amman: Dar 'Ammar.
- Hamd bin Muhammad al-Khattabi. 1960. *Ma'alim Al-Sunan*. Cet. 1. Halab: al-Mathba'ah al-'Ilmiyyah.
- Hamzah Muhammad Qasim. 1990. *Manar Al-Qari Syarh Mukhtasar Sahih Al-Bukhari*. Cet. 1. Beirut: Maktabah al-Mua'yyid.
- Ibrahim Basarani. 2018. "Jam'u Ṭuruq Al-Hadīth Wa-Ahammiyyatuhū Fī Fahm Al-Sunnah Al-Nabawiyyah." *Al-Shahid Hammah Lakhdar*.
- Mahmud bin Ahmad Badruddin al-'Aynī. 2018. *'Umdah Al-Qārī Syarh Šaḥīḥ Al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Mohamad Yazid Abdul Majid. 2010. "Perbandingan Bahasa Kiasan Dalam Bahasa Arab Dan Bahasa Melayu." *Universiti Malaya*.

- Mohd Shahrizal Nasir. 2017. “Elipsis Dalam Al-Qur’an Sebagai Satu Petunjuk Ketinggian Bahasa Arab Kalamullah.” *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa* 159–79.
- Mohd Shukri. 2020. “Hadith Palsu Di Malaysia : Tinjauan Perkembangan Dan Keberadaannya.” *Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara* 1–13.
- Muhammad bin Adam al-Ithyūbī. 2010. *Ḍahīrah Al-‘Uqbā Šarh Al-Mujtabā*. Cet. 3. Riyadh: Dar Ibnu al-Jawzi.
- Muhammad bin Hibban al-Busti. 2012. *Sahih Ibnu Hibban*. Cet. 2. Beirut: Dar Ibnu Hazm.
- Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhari. 2016. *Al-Jāmi‘ Al-Musnad Al-Šahīh Al-Muhtaṣar Min Umūr Rasūlillāh SAW Wa-Sunanihī Wa-Ayyāmī*. Cet. 1. Karachi: al-Buhsra.
- Muhammad bin Ismail al-Amir al-Sana’ani. 2011. *Al-Tanwir Syarh Al-Jami’ Al-Saghir*. Cet. 1. Riyadh: Dar al-Salam.
- Muhammad bin Jarir al-Tabari. 1967. *Tarikh Al-Rusul Wa-Al-Muluk*. Cet. 2. Beirut: Dar al-Turath.
- Muhammad bin Umar bin Salim Bazammul. 2009. *Ilmu Syarh Al-Hadith Wa-Rawafid Al-Bahth Fihī*. Cet. 1. Mekah: Universiti Umm al-Qura.
- Muhammad bin Yaakub al-Fairuz Abadi. 2005. *Al-Qamus Al-Muhith*. Cet. 2. Beirut: Mua’ssah al-Risālah.
- Muhammad bin Yusuf al-Karmānī. 2010. *Al-Kawākib Al-Darārī Syarh Šahīh Al-Bukhārī*. Cet. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-’Ilmiyyah.
- Muslim bin Al-Ḥajjāj. 2006. *Al-Musnad Al-Šahīh Al-Muhtaṣar Min Al-Sunan Binaql Al-‘Adl ‘An Al-‘Adl ‘An Rasūlillāh SAW*. Cet. 1. Riyadh: Dār al-Ṭaybah.

- Sulaymān bin al-Aš‘ath Abū Dāwūd. 2009. Sunan Abi Dāwūd. Cet. 1. Kaherah: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah.
- Umar bin Ali Ibn al-Mulaqqin. 2008. Al-Taudhih Lisyarh Al-Jami’ Al-Sahih. Cet. 1. Damsyik: Dar al-Nawadir.
- Uthman bin Jinni Ibn al-Jinnī. 2018. Al-Munṣif Šarh Kitāb Al-Taṣrīf. Cet. 1. Beirut: Dār Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Yahya bin Sharaf al-Nawawi. 2008. Tahzib Al-Asma’ Wa-Al-Lughat. Cet. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-’Ilmiyyah.
- Yusri Saad Abdullah. 2009. “Asbab Wurud Al-Hadith Wa-Atharuha Fi Fahm Al-Sunnah.” Majallah Al-Syariah Wa-Al-Dirasat Al-Islamiyyah 16(26):235–74.
- Yusuf bin Abdullah Ibn ‘Abd al-Bar. 2020. Jami’ Bayān Al- ‘Ilm Wa-Faḍlihī. Cet. 1. Istanbul: Dār Rawa‘i al-Kutub.

